

BAHASA MELAYU

sam
singaporeartmuseum
CONTEMPORARY ART IN SOUTHEAST ASIA

HIROSHI SUGIMOTO

FORM IS EMPTINESS

29.5.2026 – 4.10.2026
TANJONG PAGAR DISTRI PARK

Hiroshi Sugimoto: Rupa Adalah Kekosongan menandakan pameran utama pertama artis yang diiktiraf di peringkat antarabangsa ini di Asia Tenggara. Menghimpunkan 63 karya daripada 11 siri, bersama 14 fosil daripada koleksi peribadi seniman, pameran ini menelusuri lima dekad penyelidikan artistik dan penerokaan konseptual yang berterusan.

Tajuk pameran ini dipetik daripada ungkapan terkenal dalam Sutra Hati, sebuah teks asas ajaran Buddhisme. Ungkapan “rupa adalah kekosongan” menyatakan satu pandangan yang mendalam tetapi jelas: semua rupa bentuk fizikal dan nyata dianggap “kosong” kerana ia tidak kekal dan tiada apa pun yang wujud secara tersendiri. Kita menanggapi dunia mengikut definisi yang kita bina sendiri. Pertentangan antara rupa luaran dan realiti telah lama menjadi teras dalam amalan Sugimoto.

Walaupun Sugimoto lebih dikenali melalui karya fotografinya, karyanya melangkaui satu medium sahaja, merangkumi arca, pemasangan, penulisan dan reka bentuk seni bina. Bagi beliau, ini bukanlah satu penyimpangan daripada fotografi, sebaliknya merupakan peluasan kepada pemikiran fotografi—cara untuk menapis dan merenungkan masa dan ruang supaya sesuatu detik menjadi pemangkin kepada persepsi yang lebih mendalam.


Di persimpangan falsafah Buddha dan penyelidikan saintifik, Sugimoto mendekati masa bukan sebagai ukuran tetap, tetapi sebagai sesuatu yang terbuka dan boleh dibentuk. Beliau mengajak penonton untuk memperlahankan rentak dan menilai semula tindakan melihat itu sendiri, yang mana ia bukanlah sekadar penerimaan pasif, tetapi suatu gerak isyarat yang sengaja dan penuh reflektif.

Direka bentuk oleh Sugimoto, susun atur pameran ini mengambil rupa bentuk mandala—figura geometri membulat yang melambangkan alam semesta dalam simbolisme Hindu dan Buddha. Aliran pameran ini tidak terikat pada satu laluan linear, sebaliknya, lorong-lorongnya bercabang, berpusing dan bercantum semula, mengundang pergerakan pelbagai arah.

Para pengunjung dijemput untuk meneroka pameran ini mengikut rentak dan turutan mereka sendiri. Dengan berbuat demikian, pengalaman ruang tersebut mencerminkan keprihatinan berterusan Sugimoto: bagaimana rupa bentuk dan kekosongan wujud secara saling bergantung, dan bagaimana pemahaman muncul secara beransur-ansur melalui pengalaman berbanding bergantung kepada tafsiran yang telah ditetapkan.



Dubuk-Cakal-Hering. 1975.





Diorama

Wapiti. 1980; *Kondor California*. 1994;
Dubuk-Cakal-Hering. 1975; *Serigala Alaska*. 1994;
Zaman Ordovisium. 1992; *Zaman Devon*. 1992.
 Cetakan perak gelatin, pelbagai saiz.

Dalam *Diorama*, apa yang pada mulanya kelihatan seperti gambar hidupan liar yang menakjubkan sebenarnya merupakan imej paparan sejarah semula jadi. Apabila Sugimoto menemui diorama-diorama ini di Muzium Sejarah Semula Jadi Amerika di New York, beliau menyedari bahawa dengan menutup sebelah mata, perspektif akan lenyap. Apa yang sebelum ini kelihatan tiruan, tiba-tiba menjadi hidup seperti nyata.

Pendedahan ini menjadi asas konseptual bagi siri *Diorama*. Melalui pembedaan yang teliti dan pencahayaan yang terkawal, Sugimoto mengubah haiwan yang diawet dan latar belakang berlukis—yang merupakan tiruan kehidupan—menjadi imej yang terasa hidup. Karya-karya ini mendedahkan batasan yang halus antara rupa luaran dan realiti, serta keupayaan kamera bukan sekadar untuk mengabadikan waktu, tetapi turut menghembuskan nafas kehidupan ke dalamnya.





Fosil


Dari kiri ke kanan, baris demi baris


Katak, *Rana latonia*; Katak, *Rana latonia*; Udang, *Aeger tipularius*; Bintang Laut Rapuh, Kelas: *Ophiuroidea*; Papatung, *Protolindenia wittei*; Papatung, *Protolindenia wittei*; Ikan, *Mene rhombea*; Ketam Batu, *Cycleryon propinquus*; Ikan, *Mioplosus labracoides*. Trilobit, *Asasphellus sp.*; Papatung, *Libellulum longialatum*; Reptilia, *Claudiosaurus germaini*; Ikan, *Diplomystus dentatus*, *Mioplosus labracoides*, *Notogoneus osculus*; Kelompok Telur Oviraptorid, *Elongatoolithus sp.*
Fosil, pelbagai zaman dan saiz.

Selain daripada karya seninya, pameran ini turut menyertakan koleksi fosil Sugimoto, antaranya termasuklah trilobit, ikan purba, katak dan papatung.

Bagi kebanyakan kita, fotografi dikatakan bermula pada tahun 1816, apabila pencipta Perancis Nicéphore Niépce menemui cara untuk menetapkan imej secara kekal menggunakan kamera obscura. Sugimoto mengemukakan pandangan yang lebih jauh. Beliau mencadangkan bahawa fosil adalah peranti rakaman masa yang bersifat prafotografi.

Apakah sebuah gambar, jika bukan suatu pemfosilan masa?
Dan apakah itu fosil jika bukan kesan tinggalan masa itu sendiri?





Potret

Dari kiri ke kanan, baris demi baris


Maharaja Hirohito; Yasser Arafat; Diana, Puteri Wales; Fidel Castro; Vladimir Ilyich Lenin; Napoleon Bonaparte; Ratu Victoria. 1999.
Cetakan perak gelatin, 93.6 × 75 cm setiap satu.


Siri *Potret* Sugimoto pada mulanya nampak seperti siri potret sejarah yang konvensional. Namun, tiada seorang pun daripada individu ini berdiri di hadapan kameranya. Sebaliknya, Sugimoto merakam figura lilin hiperreal daripada muzium lilin Madame Tussauds di London.

Apabila dikeluarkan dari persekitaran pameran mereka dan diterangi dengan cahaya dan bayang-bayang yang dramatik, figura-figura ini kelihatan mengejutkan nyata. Kulit, mata, dan ekspresi mereka kelihatan meyakinkan, walaupun kita tahu mereka diperbuat daripada lilin.

Sebenarnya, ramai figura lilin bersejarah di Madame Tussauds hari ini tidak dicetak terus daripada individu sebenar tetapi dimodelkan berdasarkan potret sedia ada oleh artis seperti Holbein, van Dyck dan Vermeer. Oleh itu, mereka adalah rendaman tiga dimensi daripada lukisan, yang sudah beberapa langkah jauh daripada subjek asal.

Justeru, siri ini menjadi satu penyelidikan mengenai sejarah representasi visual dan cara kita melihat realiti, sambil menanyakan bagaimana imej menjadi perantara pemahaman kita tentang apa yang kita anggap nyata.





Memuji Bayang-Bayang




Dari kiri ke kanan, baris demi baris


*Memuji Bayang-Bayang 980821; Memuji Bayang-Bayang 980809;
 Memuji Bayang-Bayang 980806; Memuji Bayang-Bayang 980728;
 Memuji Bayang-Bayang 980812. 1998.*

Cetakan perak gelatin, 149.2 × 119.4 cm setiap satu.

Dinamakan sempena esei Jun'ichirō Tanizaki pada tahun 1933 mengenai keindahan bayang-bayang dan pencahayaan yang lembut, *Memuji Bayang-Bayang* terdiri daripada foto pendedahan lama lilin yang membakar sepanjang malam. Ada nyalaan yang padam dengan cepat; ada juga yang bertahan selama berjam-jam. Setiap foto merakam seluruh kitaran hayat sebatang lilin, mencatatkan peredaran masa melalui pengumpulan cahaya yang perlahan.

Seperti Tanizaki, yang lebih menghargai bayang-bayang berbanding cahaya terang lampu moden, Sugimoto beralih kepada cahaya lembut lilin. Nyalaan yang berkelip itu mengingatkan kita kepada salah satu alatan terawal manusia—api—sambil dengan senyap menandakan perjalanan masa serta kitaran hidup dan mati yang abadi.





Opticks

Dari kiri ke kanan, baris demi baris


*Opticks 064; Opticks 050; Opticks 163; Opticks 076;
Opticks 033; Opticks 131; Opticks 597. 2018–2023.
Cetakan kromogenik, 119.4 × 119.4 cm setiap satu.*

Berasaskan kajian cahaya, siri ini mengambil namanya daripada risalah Isaac Newton pada tahun 1704, *Opticks*, yang membuktikan bahawa semua warna wujud dalam cahaya putih, tetapi hanya dapat dilihat apabila diserap, dipantulkan atau dipancarkan oleh objek luaran. Dalam siri ini, Sugimoto menumpukan pada cahaya itu sendiri, mengalihkan fotografi daripada objek dan menghalakannya ke arah sumber persepsi.

Menelusuri semula eksperimen Newton, Sugimoto meletakkan prisma di studionya dan tidak menumpukan kepada spektrum tujuh warna yang biasa dilihat, sebaliknya kepada “warna dalaman” yang halus di dalamnya. Dengan menggunakan cermin yang direka bentuk olehnya, beliau selanjutnya membahagikan setiap jalur warna kepada berbilang gradasi. Pada asalnya difoto dirakam menggunakan filem Polaroid, kemudian didigitalkan dan diperbesarkan, setiap foto membawa kita menyelami ruang warna yang seolah-olah melenyapkan rupa bentuk, mengajak kita untuk menghayati cahaya itu sendiri.



Lautan Pasifik Selatan, Maraenui. 1990/2012.



Lima Elemen

Laut China Timur, Amakusa. 1992/2012; *Laut Jepun, Pulau Rishiri.* 1996/2011; *Laut Boden, Uttwil.* 1993/2011; *Teluk Bothnia, Holic.* 1996/2011; *Lautan Pasifik Selatan, Maraenui.* 1990/2012; *Laut Kuning, Cheju.* 1992/2011; *Teluk Sagami, Kaikoh.* 2011/2012; *Tasik Michigan, Gills Rock.* 1995/2011; *Laut Tasman, Ngarupupu.* 1990/2011.

Kaca optik, negatif hitam putih, keluli dan kayu, 15.5 × 7.6 × 7.6 cm setiap satu; pedestal: 134 × 35 × 35 cm setiap satu.


Ihsan Yayasan Seni Odawara.

Lima Elemen terdiri daripada pagoda kecil yang berkilauan yang diperbuat daripada kaca optik. Bahan yang sama ini digunakan untuk kanta, prisma, teleskop dan lain-lain, membolehkan kita melihat ke segenap pelosok alam semesta hinggalah ke misteri yang paling mikroskopik. Inilah bahan melalui mana Sugimoto telah memerhati dan memahami dunia.

Setiap pagoda terdiri daripada lima bentuk geometri yang melambangkan bumi, air, api, udara dan kekosongan. Bentuk sfera melambangkan air, dan di dalam setiap satunya, Sugimoto menempatkan salah satu imej ikoniknya daripada siri Lanskap Laut, yang juga dipamerkan dalam pameran ini. Beliau menyifatkan perbuatan merenung laut sebagai salah satu kenangan awalnya, suatu detik pembetulan yang mendedahkan kepadanya tentang asal-usul kesedaran itu sendiri.



Laut Buddha 025. 1995.



Laut Buddha


Siri Laut Buddha. 1995.

Cetakan perak gelatin, 119.4 × 149.2 cm setiap satu.

Laut Buddha merakam 1,001 patung bersalut emas Guanyin, iaitu Bodhisattva belas kasihan dalam ajaran Buddha. Patung-patung ini ditempatkan di kuil Rengeō-in di Kyoto, yang dibina semula pada abad ke-13. Ia ditempatkan di dalam dewan Kannondō-lebih dikenali sebagai Sanjūsangen-dō, Dewan Tiga Puluh Tiga Ruang. Selepas tujuh tahun perundingan, Sugimoto akhirnya diberikan kebenaran untuk merakam foto patung-patung tersebut. Dengan bekerja pada waktu fajar menggunakan cahaya semula jadi sahaja dan mengalihkan elemen-elemen moden daripada kuil tersebut, beliau membina semula gambaran bagaimana rupa patung-patung itu ketika pertama kali dipasang 800 tahun yang lalu.

Disusun dalam barisan yang padat, patung-patung itu malangkaui had bingkai dan nampak seolah-olah menyusut ke arah infiniti. Setiap foto diulang bingkai demi bingkai seperti manik-manik tasbih yang berputar dalam gelungyang tidak putus-putus, mengundang renungan yang mendalam dan meditatif.






Model Matematik 002: Permukaan Dini


Model Matematik 002: Permukaan Dini. 2005.

Aluminium dan keluli, Model: 262.2 cm (T);

asas: 16 × Ø 25 cm; jumlah: 278.2 cm (T).

Dalam karya ini, Sugimoto menterjemahkan persamaan matematik bagi permukaan Dini ke dalam objek nyata yang diperbuat daripada aluminium dan keluli. Diilhamkan oleh ahli matematik dan seniman perintis yang membuat model plaster dengan tangan untuk memvisualisasikan bentuk geometri yang kompleks, Sugimoto meneruskan penyelidikan ini mengenai bagaimana ilmu abstrak dapat dizahirkan melalui bahan. Dengan melakukan ini, beliau menarik perhatian kepada hubungan yang lama wujud antara seni dan matematik: kedua-duanya berusaha untuk memahami struktur melalui corak dan bentuk serta menempatkan diri di barisan hadapan dalam penerokaan manusia. Dari sudut ini, mereka muncul daripada dorongan yang sama—iaitu keinginan untuk menzahirkan alam yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.







Impresi Berus, 1547

Impresi Berus, 1547. 2024.

Cetakan perak gelatin unik, 93.6 × 75 cm.

Dalam keadaan yang hampir gelap, Sugimoto mencelup berus ke dalam cecair pemafas (fixer) dan “menulis” di atas kertas fotografi. Satu pancaran cahaya yang singkat kemudiannya menetapkan kesan sapuan berus tersebut. *Impresi Berus, 1547* menandakan penerokaan konseptual Sugimoto terhadap persimpangan antara keberadaan dan kekosongan, yang bermula dengan satu “bulatan” yang membangkitkan gagasan konsep sifar dan kesinambungan kitaran. Merujuk kepada idea falsafah dan matematik Asia—terutamanya konsep “kekosongan” dalam ajaran Buddha—bulatan itu melambangkan kesinambungan tanpa titik asal dan suatu ruang di mana keberadaan dan ketiadaan wujud bersama. Melalui fotografi, Sugimoto menciptakan imej yang cuba memberi bentuk kepada idea kekosongan itu sendiri.






Buddha Terpacu

Buddha Terpacu. 1997–2017.


Unjuran video tiga saluran, bunyi, 5 min 45 saat.


Buddha Terpacu, karya video pertama Sugimoto, mengembangkan siri *Lautan Buddha* ke dalam bunyi dan pergerakan. Dalam tempoh lima minit, 48 imej yang memaparkan 1,000 Buddha muncul secara berturutan—perlahan pada mulanya, kemudian dengan kelajuan yang meningkat—sehingga rupa bentuknya kabur menjadi satu medan getaran. Pecutan ini mencerminkan meditasi Sugimoto mengenai sejarah kitaran tamadun merentas zaman: ia dilahirkan, berkembang dan akhirnya merosot tanpa dapat dielakkan. Dengan menarik persamaan dengan era kita sekarang, Sugimoto menyatakan bahawa pengembangan dan pertumbuhan besar-besaran kita tidak boleh berterusan selama-lamanya, dan sesebuah tamadun sering kali memecut apabila mereka hampir mengampiri penghujungnya.



Impresi Berus, Sutra Hati

Impresi Berus, Sutra Hati. 2023.
 288 cetakan perak gelatin unik,
 masing-masing 49.5 × 59.7 cm.






Impresi Berus, Sutra Hati merupakan titik pertemuan monumental antara fotografi, kaligrafi dan refleksi rohani. Terdiri daripada 288 cetakan perak gelatin yang unik, karya ini menterjemahkan 274 aksara Cina dalam Sutra Hati menjadi suatu pengalaman yang bersifat seni bina dan jasmani.

Menghayati kefanaan, Sugimoto dengan sengaja menggunakan kertas fotografi yang sudah tamat tempoh. Di bilik gelapnya, beliau menjalankan satu ritual meditasi: dengan berus yang dicelup dalam cecair pemafas (fixer), beliau menulis sutra tersebut dalam kegelapan, dipandu hanya oleh irama dan ingatan.

Melalui satu pancaran cahaya, tulisan yang tidak kelihatan itu kemudiannya bertukar menjadi imej—muncul melalui penzahiran kimia. Proses yang penuh istiadat ini melaksanakan dan menzahirkan wawasan Sutra tersebut, menjemput pengamat seni ke dalam ruang di mana zat, masa dan kekosongan wujud bersama serta melenyap.



U.A. Walker, New York. 1978.



Teater

U.A. Playhouse, New York. 1978;
Salle 37, Palais de Tokyo, Paris. 2013;
Teater Avalon, Pulau Catalina. 1993;
AL. Ringling, Baraboo. 1995;
Metropolitan L.A., Los Angeles. 1993;
U.A. Walker, New York. 1978;
Goshen, Indiana. 1980.


Cetakan perak gelatin, 119.4 × 149.2 cm setiap satu.

Merentasi lebih daripada empat dekad, siri *Teater* yang terkenal oleh Sugimoto menampilkan pawagam kosong yang diterangi hanya oleh skrin yang bercahaya. Dengan membiarkan pengatup terbuka sepanjang tempoh tayangan sesebuah filem—sekitar dua jam—beliau memampatkan ratusan ribu bingkai yang dipancarkan ke dalam satu bentuk segi empat bercahaya.

Karya-karya awal dihasilkan di pawagam yang masih beroperasi seperti St. Mark’s Cinema di New York. Beliau kemudiannya memperluas repertoarnya untuk merangkumi *Teater Terbangkalai* dan *Rumah Opera* di mana beliau boleh memilih filem yang akan dipancarkan. Setiap foto menggambarkan “jangka hayat” filem ke dalam satu imej, mencerminkan perbandingannya yang berulang antara pawagam dan kehidupan—ia bermula, berkembang dan berakhir dengan kehilangan.



Lautan Atlantik Utara, Pulau Cape Breton. 1996.




Lanskap Laut

Laut Jepun, Pulau Rishiri. 1996;
Lautan Pasifik Utara, Ohkurosaki. 2013;
Laut Tirenia, Scilla. 1993;
Laut Baltik, Rugen. 1996;
Laut Liguria, Framura. 1993;
Lautan Atlantik Utara, Pulau Cape Breton. 1996;
Laut Ionia, Santa Cesarea. 1990.
 Cetakan perak gelatin, 119.4 × 149.2 cm setiap satu.


Selama lebih daripada empat dekad, Sugimoto telah merakamkan siri *Lanskap Laut* beliau yang berpengaruh di 250 lokasi di seluruh dunia. Setiap imej mengikuti struktur komposisi yang sama: laut dan langit bertemu di garisan ufuk yang tepat di tengah-tengah, dengan perbezaan halus pada cahaya, cuaca dan atmosfera. Dengan menyingkirkan penanda lokasi, Sugimoto menzahirkan laut dan langit sebagai keadaan yang dikongsi merentas masa dan geografi, sekali gus mendedahkan kesatuan asas planet kita—dan seterusnya, sejarah manusia yang dikongsi bersama.


Sugimoto menyusuri minat sepanjang hayat beliau terhadap *Lanskap Laut* daripada kenangan awal zaman kanak-kanak semasa memandangi ke arah lautan. Bagi beliau, laut merupakan peringatan tentang panjangnya sejarah manusia, manakala ufuk—di mana air, udara dan cahaya bertemu—menyimpan permulaan primordial kehidupan.



Lanskap Angkasa

Lanskap Angkasa. 2024.
Cetakan pigmen pada kertas washi, dipasang pada layar lipat, 8 panel, 180 × 109 cm setiap satu; 180 × 872 cm keseluruhan.





Dipamerkan buat julung-julung kalinya, *Lanskap Angkasa* berbentuk layar lipat dan menggambarkan Bumi dan Bulan pada pelbagai titik di orbit, dilihat dari sudut pandang maha tahu di angkasa lepas. Karya ini terhasil daripada kerjasama dengan Sony, Universiti Tokyo dan Agensi Penerokaan Aeroangkasa Jepun (JAXA), yang bersama-sama melancarkan EYE—satelit ultra-padat dilengkapi kamera Sony—ke orbit pada tahun 2023.

Jika *Lanskap Laut* meletakkan cakrawalanya di Bumi, *Lanskap Angkasa* memindahkannya ke kosmos, sekali gus meperluaskan kajian Sugimoto mengenai persepsi dan skala. Karya ini mengalihkan pengamat seni dari perspektif bumi kepada perspektif yang dibentuk oleh penglihatan satelit, lantas mendorong kita untuk mempertimbangkan semula di mana dan bagaimana kesedaran manusia ditempatkan. Melalui *Lanskap Angkasa*, Sugimoto bergerak dari pemerhatian kepada spekulasi, memperluaskan visi melangkaui penglihatan semata-mata.




Mengenai Artis



Hiroshi Sugimoto dilahirkan di Tokyo, Jepun, pada tahun 1948. Beliau lulus pengajian dari Universiti Rikkyo, Tokyo, pada tahun 1970 dan dari Art Center College of Design, Los Angeles, pada tahun 1974. Kini, beliau membahagikan masanya antara Tokyo dan New York.

Sebagai seorang seniman pelbagai disiplin, amalan seni Sugimoto merangkumi bidang fotografi, arca, pemasangan, seni bina, reka bentuk taman, penulisan, seni khat, seni kulinari dan seni persembahan. Karya seni beliau menghubungkan ideologi Timur dan Barat sambil meneliti hakikat masa, persepsi dan asal-usul kesedaran.

Pada tahun 2008, Sugimoto menubuhkan Makmal Penyelidikan Bahan Baru, sebuah pejabat reka bentuk seni bina yang menggabungkan penggunaan baharu untuk bahan dan teknik tradisional. Setahun kemudian, beliau menubuhkan Yayasan Seni Odawara, sebuah organisasi kebajikan bukan keuntungan yang mempromosikan budaya dan seni persembahan tradisional Jepun. Pada tahun 2017, Yayasan Seni Odawara membuka Balai Cerap Enoura, sebuah kompleks seni tanah yang terletak di antara kaki Gunung Hakone dan Teluk Sagami.

singaporeartmuseum.sg
   singaporeartmuseum